

31/05/1998

Gawat didik rakyat lebih berani, yakin

Kamal Ahmad; Zulkofli Jamaludin; Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR: Krisis kewangan yang melanda rantau ini, termasuk Malaysia menjadikan rakyat negara ini lebih yakin, berani, dedikasi dan bersemangat untuk menghadapi sebarang masalah ekonomi pada masa akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sekarang adalah masanya bagi rakyat untuk menunjukkan kemampuan mereka menghadapi masalah secara rasional, sistematik dan praktikal.

"Tidak guna kita merungut tetapi tidak membuat sesuatu yang dapat membantu diri sendiri atau negara mengatasi masalah yang dihadapi sekarang.

"Demi kepentingan negara, banyak perkara yang boleh dijalankan yang sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan sara hidup yang meningkat ke atas kehidupan harian rakyat," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-45 di Wisma MCA, di sini semalam.

Dr Mahathir bersyukur dan berbangga kerana rakyat menunjukkan semangat kental dan sanggup mengetepikan kepentingan diri untuk sama-sama menangani krisis itu yang menyebabkan nilai ringgit merosot 50 peratus.

Perdana Menteri juga berkata, kempen membeli barangan tempatan harus diteruskan kerana ia akan mengurangkan aliran keluar wang negara di samping memajukan industri tempatan.

Menurutnya, negara tidak akan rugi kerana barang tempatan sekarang adalah setaraf dengan mutu barangan luar.

"Kita bekalkan dunia dengan barangan bermutu. Kini kita harus membeli barangan bermutu kita sendiri untuk membantu memulihkan perniagaan kita," katanya.

Dr Mahathir turut memuji MCA yang menjalankan beberapa program khususnya untuk membantu ahli dan rakyat mengurangkan kesan tekanan ekonomi kesan daripada kegawatan sekarang.

Menurut Perdana Menteri, usaha mengutip derma untuk mengisi tabung tertentu dapat membantu negara dalam usaha membendung tekanan ke atas kewangan negara.

"Sebenarnya, kekayaan ada pada kita tetapi ia tidak digunakan kerana kegunaannya tidak perlu. Kekayaan yang saya maksudkan ialah simpanan wang dan harta benda, terutama barangan kemas yang tidak memberi apa-apa hasil kepada kita.

"Kekayaan tersimpan itu hendaklah digerakkan untuk menjadi modal negara dan digunakan oleh peniaga dan pengusaha sebagai pinjaman yang boleh menolong membangunkan semula kegiatan ekonomi," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir menegaskan pentingnya kecekapan dan kejujuran politik terutama sekali pada saat-saat negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Menurutnya, negara-negara di Asia Timur kini mengalami pelbagai masalah sosial dan politik akibat kejatuhan nilai mata wang.

Kestabilan politik terus terganggu kerana rakyat merasai kepahitan hidup akibat tekanan peningkatan harga barang-barang asas dan penting seperti makanan.

"Ramai pekerja kehilangan pekerjaan, menganggur dan tidak berupaya membeli barang keperluan hidup termasuk ubat dan susu untuk anak-anak," katanya.

Mengenai kehidupan harmonis pelbagai kaum di negara ini, Dr Mahathir berkata formula yang digunakan mudah iaitu semua kaum mestilah sama pembangunan mereka supaya kekayaan negara terbahagi secara yang adil.

( END )